

Tsu Koon gagal bantu Melayu Pulau Pinang

PULAU PINANG 11 Ogos - Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon didakwa gagal sama sekali membantu membangunkan orang Melayu di Pulau Pinang sejak Gerakan menguasai kerajaan negeri.

Bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tanjong Raja Munir Shah Raja Mustafa ketika membuat dakwaan itu berkata, sudah tiba masanya jawatan Ketua Menteri diserahkan kepada UMNO secara mutlak dan bukannya menerusi sistem penggiliran bagi memberi peluang mereka membela nasib orang Melayu di Pulau Pinang yang semakin terpinggir.

"Pulau Pinang hanya satu-satunya negeri yang pemimpinnya bukan dari UMNO. Tidak termaktub dalam perlembagaan bahawa jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tidak boleh diberi kepada UMNO.

"Selama ini apa yang Ketua Menteri sekarang sudah buat untuk membantu orang Melayu, setiap kali disentuh mengenai isu Melayu, Koh Tsu Koon akan serahkan kepada UMNO, kalau macam itu baik Ketua Menteri diberi kepada UMNO," kata Ahli Jawatankuasa UMNO bahagian Tanjong itu di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai hasrat Pergerakan Pemuda UMNO bahagian-bahagian di Pulau Pinang yang mahu membangkitkan isu mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri itu pada persidangan perwakilan Pemuda bahagian yang sedang berlangsung ketika ini.

Semalam, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang, Mohd. Sali Abdul Bari berkata, beliau mendapat maklumat hampir semua Pemuda UMNO bahagian di negeri ini mahu membangkitkan cadangan itu pada persidangan perwakilan

Pemuda masing-masing.

Ahad lepas, persidangan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Nibong Tebal meluluskan usul penggiliran jawatan Ketua Menteri itu, menjadikannya bahagian yang pertama berbuat demikian untuk dibawa ke persidangan perwakilan bahagian, Ahad ini.

Bagaimanapun, Tsu Koon dalam reaksinya terhadap cadangan itu, mengingatkan Pemuda UMNO agar berhati-hati dan mengkaji secara mendalam mengenai tuntutan berkenaan sebelum dijadikan usul untuk dibangkitkan pada mesyuarat bahagian.

Mengulas lanjut, Raja Munir Shah yang pernah membangkitkan isu itu ketika Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO pada 2003, melihat dalam banyak perkara, Tsu Koon sebagai Ketua Menteri didapati tidak mahu menyelesaikan masalah yang ada hubung kait dengan orang Melayu.

"Sebaliknya, apa sahaja yang timbul, beliau akan kata serah kepada UMNO, adakah Ketua Menteri Pulau Pinang bukan untuk turut menjaga kepentingan rakyat kaum-kaum lain di Pulau Pinang, kalau macam itu baik serah kepada UMNO terus untuk menjadi Ketua Menteri.

"Sedangkan pemimpin negeri-negeri lain yang semuanya dari UMNO, terbukti semua rakyat dapat menikmati pembangunan negara," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, masalah pemilikan rumah di kalangan orang Melayu di bahagian pulau juga dilihat berpunca daripada kegagalan kerajaan negeri sendiri menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang tidak memberi perhatian mengatasi masalah itu.

Menurutnya, ini dapat dilihat daripada



**RAJA MUNIR SHAH
RAJA MUSTAFA**

UM - 12/8/2006

**Pulau Pinang
satu-satunya negeri
yang pemimpinnya
bukan dari UMNO.
Tidak termaktub
dalam perlembagaan
bahawa jawatan
Ketua Menteri tidak
boleh diberi kepada
UMNO**

**RAJA MUNIR
SHAH RAJA
MUSTAFA**
Bekas Ketua
Pergerakan
Pemuda UMNO
Bahagian
Tanjong

pembangunan kawasan perumahan mewah di Pulau Pinang yang mengetepikan sama sekali peluang orang Melayu memilikinya kerana tidak berkemampuan.

Selain itu katanya, banyak kelemahan lain yang dilakukan kerajaan negeri termasuk kelembapan pembangunan ekonomi, kegagalan menyediakan perancangan untuk mengatasi masalah kesesakan sehingga kepada menyediakan kemudahan infrastruktur.

Pada masa yang sama, masalah dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) setelah jawatan Yang Dipertua diserahkan kepada pegawai awam serta Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), dilihat berpunca daripada campur tangan kerajaan negeri sendiri.

Oleh itu, Raja Munir Shah berharap, Badan Perhubungan UMNO Pulau Pi-

ning akan memberi perhatian teliti sekiranya Pergerakan Pemuda UMNO dan UMNO bahagian meluluskan usul berhubung jawatan Ketua Menteri itu.

"Walaupun isu ini menampakkan ada ketidakpuasan hati orang Melayu terhadap pentadbiran negeri sekarang ini, pucuk pimpinan diminta jangan menunggu orang Melayu nanti tidak menyokong, tetapi memilih pembangkang," katanya.

Mengenai jawatan Timbalan Ketua Menteri yang dipegang pemimpin UMNO, beliau yakin sesiapa sahaja yang mengisi jawatan itu tidak mampu berbuat apa-apa memandangkan Ketua Menteri mempunyai kuasa penuh dalam membuat keputusan.

Beliau berharap tuntutan pemimpin Pemuda UMNO mengenai jawatan Ketua Menteri itu tidak terhenti setakat ini sahaja.